



## KENYATAAN MEDIA

UKK/600-01/05 (66)

### **BALAI SENI NEGARA DI PESTA BUKU ANTARABANGSA 2024 (PBAKL2024)**

Balai Seni Negara menjemput orang ramai untuk hadir ke Pesta Buku Antarabangsa 2024 (PBAKL2024) dan berkunjung ke **reruai Balai Seni Negara (TL25 dan TL26)** bermula pada **24 Mei hingga 2 Jun 2024** di **Dewan Tun Dr. Ismail (Aras 2), Pusat Dagangan Kuala Lumpur (WTCKL)**.

Untuk makluman, sempena PBAKL 2024 ini, Balai Seni Negara membawa **lebih 100 buah buku terbitan Balai Seni Negara** khas buat para peminat buku seni visual. Buku-buku ini meliputi pelbagai penulisan menarik oleh pakar rujuk seni mengenai pameran-pameran yang dianjurkan di galeri Balai Seni Negara. Menariknya, Balai Seni Negara turut mengadakan jualan buku secara kombo dengan tawaran harga yang istimewa.

Di samping itu, orang ramai juga boleh mendapatkan barangan cenderamata eksklusif Balai Seni Negara dengan diskaun yang menarik. Antara cenderamata yang terdapat di reruai Balai Seni Negara adalah *tote bag*, *NAG mug*, *lanyard*, topi NAG, buku catatan, poster pameran seni dan lain-lain.

Selain jualan buku dan cenderamata, Balai Seni Negara turut menyediakan pelbagai aktiviti interaktif sepanjang penganjuran PBAKL2024. Antaranya *Bookmark Printmaking*, *Pandai Khat*, *Pouch Bag Painting*, *Creative Button Badge* dan *Foam Clay Magnetic*. Penyertaan adalah secara percuma. Balai Seni Negara turut menganjurkan sesi **“Temu & Ramah” bersama Dr. Jalaini Abu Hassan pada 29 Mei 2024** dan **“Penampilan Istimewa & Live Drawing” bersama Amron Omar pada 1 Jun 2024**.

Justeru, orang ramai dijemput untuk kunjungi **reruai Balai Seni Negara (TL25 dan TL26)** di **PBAKL2024**. Jangan lepaskan peluang untuk dapatkan buku, cenderamata eksklusif Balai Seni Negara dan turut serta dalam aktiviti interaktif yang dianjurkan. Untuk maklumat lanjut mengenai jadual aktiviti, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA  
27 MEI 2024**